

# Perkembangan Islam di Negara China

## Jasa Islam kepada China

Rencana ini ialah sambungan karangan berkenaan dengan perkembangan Islam di negeri China, yang telah dimuat dalam majalah Qalam bilangan 120, keluaran bulan Julai yang lalu, di dalamnya telah diterangkan serba sedikit tentang jasa Islam kepada China.

**Oleh Haji Ibrahim TYM**

**(Diterjemahkan dari bahasa Inggeris oleh A.B. Husni)**

### Ahli pelayaran dan diplomasi

Luqman Cheng Ho, (yang terkenal dengan gelaran) “Dato’ Johan” kepada orang-orang Melayu, dengan angkatan kapalnya yang terdiri daripada 72 buah jong yang berukuran 520x210 kaki, belayar ke laut selatan, menakluk Parsi dan lautan tengah tujuh kali banyaknya. Orang mengatakan, bahawa ia sudah mengunjungi pulau Madagascar, dia adalah yang telah menujuhkan perhubungan-perhubungan politik, diplomatik dan sosial di antara orang-orang Melayu dan orang-orang Cina. Dengan perantaraannya maharaja China memerintahkan Siam sampai jangan mengganggu Melaka dengan kekuatannya. Banyak raja-raja Melaka yang berangkat ke negeri China dan menerima sijil, jubah kuning ular, payung kuning, selain daripada menerima hadiah-hadiah emas dan wang kertas bank pada zaman itu.

Pembantu Cheng Ho yang sangat rapat ialah Hoe Hsein (Hussein), dua orang pemegang catitan-catitan ialah Ma Huan dan Fei Hsin (Faisal). Juru penterjemahnya dalam bahasa Arab ialah Hassan. Sangat boleh jadi sejumlah

besar kelasi-kelasi kapalnya ialah orang-orang Muslim dari Nanjing dan orang-orang Islam dari Guang Zhou. Kunjungan Cheng Ho ke Melaka dan banyak lagi lain-lain negara di Asia Tenggara, boleh jadi juga menyebabkan banyak orang-orang China datang merantau ke gugusan pulau-pulau Melayu.

Cheng Ho termasuk dalam golongan keluarga Islam dari Yunan yang sangat taat kepada agamanya. Keluarga itu bernama Ma. Neneknya dan bapanya semuanya telah naik haji dan mereka itu boleh jadi ialah keturunan dari Sayyid Siniyy. Maharaja Cina, Chen Tsui (Yung Luh), telah menukar nama keluarganya itu dari “Ma” kepada “Cheng”.

### Kaum Islam ditindas semasa raja-raja Cheng-Cheng

Kedudukan orang-orang Islam di negeri China bertukar semasa keturunan raja-raja Cheng (Manchu) (1644 – 1911), oleh kerana mereka itu tidak mahu tunduk di bawah pemerintahan kaum-kaum Manchu. Di bawah ini diterangkan sebabnya orang-orang Islam enggan menerima pemerintahan itu

Dalam tahun 1625, Li Tsi Cheng, seorang pemberontak terhadap pemerintahan Ming, melakukan pemberontakan di Shaanxi dan api pemberontakan itu menjalar dengan sangat cepatnya ke beberapa buah daerah yang lain. Tentera-tentera yang dikirimkan oleh pemerintah dapat dikalahkan, setelah siasah damai yang biasanya sentiasa dipakai oleh China pada masa dahulu kala itu, gagal. Ketika tentera yang dikepalai oleh Li Tsi Cheng mendekati Kota Peking, Jeneral Wu Sin Kuay, yang waktu itu mengepalai tentera pemerintah meminta bantuan tentera dari Manchuria. Tentera-tentera Manchu masuk ke dalam benteng-benteng batu besar dari Shan Hai Guan, dan telah berhasil mengalahkan kaum-kaum pemberontak atas nama kerajaan Ming. Akan tetapi bukanlah setelah itu orang-orang Manchu itu kembali ke negerinya, tetapi mereka itu bertapak di Peking dan mengisytiharkan mereka itu sendiri sebagai orang-orang yang memerintah negeri China. Peristiwa ini kejadian dalam tahun 1644.

### **Orang-orang Cina Islam memberontak**

1. Pemberontakan Mi Ya Ling dan Ting Kwo Tung Mac-November, 1649. Raja-raja Han, meskipun menderita serangan-serangan yang hebat dari akibat keganasan-keganasan pemberontakan Li Tsi Chin, tetapi tetap menentang untuk berapa masa lamanya orang-orang Manchu itu, tetapi sia-sia belaka. Hanya lima tahun lamanya raja-raja Manchu duduk di atas takhta, setelah raja-raja Hans dengan amat kesal menerima kekalahan. Orang-orang Islam bangun memberontak dan mencuba menegakkan kembali kedaulatan Raja Ming, dengan jalan mentabalkan anak raja yang bernama Chu Tsu Chu di atas singgahsana. Chu Tsu Chu ialah keturunan yang langsung dari Maharaja Ming yang pertama Chu Yuan Cheng.

Pemberontakan itu yang terkenal dengan nama “Pemberontakan Sejuta” dimulakan dengan kemasukan sekurang-kurangnya 100,00 orang rakyat, di dalamnya termasuk orang-orang bangsa Han, menyerbu ke daerah Kansu. Pemimpin-pemimpin mereka itu ialah Mei La Yang dan Ting Gwo Tung, yang berasal dari daerah itu, yang mempunyai kira-kira 40 peratus penduduk yang beragama Islam. Panji-panji mereka itu bersemboyan: “Hancurkanlah kaum Manchu dan tegakkanlah keturunan Ming”. Mereka itu mulai dengan menyerang Kancu dan merampas beberapa buah jajahan, termasuk di dalamnya Liyung Chau, Lintao. Kemajuan perjalanan menaklukkan negeri-negeri oleh mereka itu dihalangi digoncang oleh tentera-tentera di bawah pimpinan Jeneral Ming Chiao Ping, seorang keturunan dari raja-raja dahulu, yang telah menyerah kalah kepada orang-orang Manchu. Anak raja Chu Tsu Chuan dan Mei La Yang gugur dalam pertempuran itu dan lebih dari 25,000 orang rakyat Ming telah terbunuh. Hanya Ting Gwo dapat menyelamatkan dirinya ke Mahami di Xinjiang (Turkistan Barat), akan tetapi dia datang kembali dengan melalui Sila Gunung Chya Bu dalam tahun 1650 dengan membawa askar sejumlah 3,000 orang dan dapat merampas kembali Suchu di Kansu. Semua pembesar-pembesar Manchu dan mereka yang pro-Manchu dibunuh. Ting Gwo Tung bermaksud pada kali ini untuk mendudukkan anak raja Turutsai dari Hamai sebagai raja negeri China dan dia mencuba menyatukan tenaga dengan suatu kumpulan pemberontak dari Han yang dipimpin oleh Chuang Yang “Ta Tung”. Meskipun cintakan tanah air sedemikian rupa, tetapi sayangnya mereka terdiri dari orang-orang yang kasar dan tak berdisiplin. Mereka itu degan senang sahaja dikalahkan

oleh tentera-tentera pemerintah. Ting dan Turwa Tsai kedua-duanya mati terbunuh dalam pertempuran itu. Pemberontakan orang-orang Islam yang pertama terhadap keturunan Raja Cheng ini berlangsung selama hampir dua tahun, di dalam mana sejumlah lebih dari 30,000 jiwa manusia yang terkorban.

Dengan melangkaui pemberontakan-pemberontakan yang kecil, saya mengisahkan 9 buah pemberontakan-pemberontakan yang lain yang telah terjadi. Beberapa pemberontakan ini berlangsung dari satu sehingga 26 tahun dan penyembelihan-penyembelihan manusia acap kali lebih banyak lagi terjadi dari pemberontakan yang pertama.

### Pemberontakan dua orang Khoja



**Mac 1759 – Jun 1761**

Pemberontakan yang ke dua datangnya dari Xinjiang dalam tahun 1759 yang dipimpin oleh dua orang Khoja (Khoja ertinya: pemimpin ulama), seorang di antaranya bernama Burhanuddin dan yang lain itu bernama ‘Azizan, Kedua-duanya ialah anak lelaki raja Mahmud dari ili pemberontakan ini, walaupun tak ada perhubungan dengan pemberontakan pertama tadi di Kaswu tetapi adalah sebagai akibat penyerangan dari pemerintah Manchu, yang hendak menaklukkan seluruh wilayah Xinjiang, memperlihatkan kegagahan dalam tahun 1681 dengan mempergunakan tipu muslihat dengan jalan mengadu-dombakan dua puak yang tinggal di Bukit Putih dan di Bukit Hitam (kedua-duanya puak Muslim). Orang Manchu menang<sup>1</sup> dalam pertarungan itu. Burhanuddin dan Azizan tidak mahu melihat negerinya ditindas oleh pemerintah-pemerintah yang baharu itu, yang orang-orang besar dan pegawai-pegawaiannya berkelakuan sangat kasar dan kejam. Mereka mengumpulkan sejumlah 200,000 orang di Kasghir dan mereka mengumumkan, bahawa mereka

bebas dan merdeka dari jajahan China. Pertempuran-pertempuran hebat berlangsung dekat Kasghir dan Kucha. Peperangan ini bermaharajalela selama setahun genap. Beribu-ribu orang yang mati, jatuh kena tembak oleh peluru meriam orang-orang Manchu. Burhanuddin mati terbunuh setelah dia bersama-sama tenteranya dapat memusnahkan banyak tentera dan pegawai-pegawai ber pangkat tinggi dari pihak Manchu.

Setelah selesai penindasan pemberontakan ini, orang-orang Manchu menyombong dan mengatakan, bahawa mereka telah dapat menaklukkan semuanya daerah Xinjiang. Juga dalam pertempuran inilah isteri Azizan telah dapat ditawan mereka. Wanita itu dikirimkan ke Peking, di mana beliau disembahkan kepada Maharaja Xi In sebagai gundik dan diberi timang-timangan: “Gundik Nyata”. Wanita pahlawan ini telah dihukum gantung setelah dia gagal perbuatannya membala dendam dan menuntut bela suaminya. Namanya sampai sekarang sangat masyhur dalam sejarah China.

- bersambung



**Dua buah buku kecil yang tertera di sini mengandungi riwayat hidup dua orang pahlawan Islam yang telah gugur syahid dalam menegakkan agama Allāh 30 sen senaskhah.**

<sup>1</sup> Dieja sebagai memang mim-ya-mim-nga